

23 JUN 2001

Umno-Gulung (Pemuda)

PEMUDA UMNO PILIH PASIR MAS UNTUK MULA LAKSANA AMANAT PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno memilih Pasir Mas, Kelantan untuk memulakan langkah melaksanakan tiga tugas yang diamanahkan kepadanya oleh presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata tiga tugas itu ialah menambah anggota, mendaftarkan anggota sebagai pemilih dan menggerakkan bilik gerakan.

"Oleh itu kami berharap pemimpin di Kelantan akan bersama-sama dan menerima Pemuda bukan saja dengan tangan yang terbuka tapi yang penting hati yang terbuka," katanya semasa menggulung perbincangan pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Kata-kata Hishammuddin disambut dengan tepukan oleh perwakilan yang jelas memahami bahawa ia ditujukan kepada wakil Kelantan Datuk Ibrahim Ali yang mendakwa dalam perbincangannya semalam bahawa Hishammuddin gagal melaksanakan tugas menjadikan sayap kanan Umno itu lebih agresif dan berkesan.

Hishammuddin, yang jelas terasa dengan kritikan Ibrahim, berkata ia umpama "gajah di depan mata tidak nampak, kuman di seberang lautan nampak" dan "mengata dulang paku serpih, mengata orang awak yang lebih".

Katanya jawatan dalam Umno bukan hak pemimpin parti untuk diagih tetapi merupakan hak anggota parti dan perwakilan.

Hishammuddin berkata Pemuda setakat ini telah melaksanakan tugasnya sebaik mungkin khususnya dalam menangani isu hak orang Melayu yang telah dicabar oleh Suqiu tidak lama dulu.

Isu itu katanya, bukan sahaja berjaya diselesaikan dengan cara baik bahkan Suqiu juga bersetuju mengetepikan tujuh tuntutan bersabit hak istimewa orang Melayu.

-- BERNAMA

NM AZZ RON